



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN IPOH TIMUR**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

10 November 2020

KENYATAAN MEDIA

- 1.0 Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen hari ini, membentangkan laporan berhubung Projek Sistem Kutipan Caj Jalan (RC) dan Rekod Kemasukan Kenderaan Asing (VEP) yang berjumlah RM149.45 juta di bawah Kementerian Pengangkutan (MOT).
- 2.0 Isu ini adalah penemuan audit yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2017 Siri 2 dan dibentangkan di Parlimen pada 3 Disember 2018.
- 3.0 Jawatankuasa ini, memulakan prosiding bagi isu ini pada 20 Februari 2019 dengan memanggil YBhg. Datuk Mohd Khairul Adib bin Abd. Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) ketika itu, sebelum pada 27 Mac 2019 dengan memanggil YBhg. Dato' Sri Liow Tiong Lai, mantan Menteri Pengangkutan Malaysia.
- 4.0 Lanjutan daripada dua prosiding itu, PAC membuat keputusan untuk memanggil Datuk Seri Dr. Ismail Bakar, mantan Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) pada 3 April 2019.

- 5.0 Pada 3 September 2019, PAC memanggil Datuk Seri Wee Jeck Seng, mantan Ahli Parlimen Tanjung Piai, ketika itu berhubung penglibatannya sebagai pemegang saham TC Sens Sdn. Bhd, syarikat yang diberikan kontrak untuk projek RC dan VEP itu.
- 6.0 Susulan daripada prosiding bersama Datuk Seri Wee, PAC kemudian memanggil Tan Chean Suan, Ketua Pegawai Eksekutif syarikat TC Sens Sdn Bhd pada 23 Oktober 2019..
- 7.0 Projek Sistem RC dan VEP merupakan salah satu projek di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) manakala agensi pelaksana adalah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Sistem ini dipasang di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan KIK Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), Johor.
- 8.0 Projek ini telah dilaksanakan oleh syarikat TC Sens Sdn. Bhd. yang dilantik secara rundingan terus dengan kos berjumlah RM 149.45 juta melibatkan dua (2) kontrak berasingan iaitu *Capital Expenditure Contract* (CAPEX) berjumlah RM 45.15 juta dan *Operational Expenditure Contract* (OPEX) berjumlah 104.30 juta.
- 9.0 Dalam mesyuarat prosiding berkenaan, ahli-ahli PAC Parlimen membangkitkan isu antaranya:-
- i) Pelantikan Kontraktor Utama;
 - ii) Pelantikan Pihak Ketiga;
 - iii) Prestasi Fizikal;
 - iv) Pencapaian *Output*;

- v) Pencapaian *Outcome*;
- vi) Prestasi Kewangan;
- vii) Pentadbiran Kontrak.

10.0 Berdasarkan keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi, PAC Parlimen merumuskan bahawa :-

- i) Tiada justifikasi yang kukuh untuk membolehkan projek sistem RC/VEP ini dilaksanakan secara rundingan terus.
- ii) Pelaksanaan proses perolehan secara rundingan terus untuk projek sistem RC/VEP di bawah MOT gagal menepati tujuan asal iaitu berhubung kesegeraan pelaksanaan projek yang dikehendaki Kerajaan.
- iii) Pemilihan syarikat TC Sens Sdn. Bhd. telah dikemukakan oleh Menteri MOT kepada YAB Perdana Menteri ketika itu tanpa penilaian yang menyeluruh dan mendalam berkenaan dengan keupayaan syarikat tersebut dari segi kewangan dan teknikal untuk melaksanakan projek sistem RC/VEP.
- iv) Wujudnya pengaruh politik dalam pelantikan kontraktor/vendor untuk projek sistem RC/VEP melalui rundingan terus.
- v) Wujud kelemahan pentadbiran dan pelaksanaan kontrak iaitu (a) kelewatan dalam menandatangani kontrak projek sistem RC/VEP selama 16 bulan; (b) pembayaran dibuat sebelum FAT disempurnakan; (c) lantikan pihak Ketiga dalam pelaksanaan sistem RC/VEP tanpa kelulusan daripada Kementerian.
- vi) Projek sistem RC/VEP telah lewat disiapkan. Sebanyak tiga EOT telah diluluskan atas sebab keperluan integrasi sistem, ditambah dengan peranan kontraktor selaku vendor dan bukan *solution provider* yang kompeten telah menyebabkan kelewatan tersebut.

11.0 Berikutan itu, PAC Parlimen mengesyorkan kepada Kerajaan supaya:-

- i) MOF pada masa hadapan perlu memastikan semua keputusan rundingan terus adalah disokong dengan justifikasi yang kukuh. Agensi penguat kuasa termasuk SPRM memberi perhatian berkenaan rumusan-rumusan di atas dan membuat siasatan yang sewajarnya;
- ii) Ahli parlimen perlu mengisytiharkan kepentingan perniagaan kepada Kementerian yang bertanggungjawab sekiranya perniagaan tersebut membabitkan projek kerajaan;
- iii) Kerajaan perlu memastikan bahawa tiada lagi sebarang pengecualian diberikan kepada mana-mana projek yang sepatutnya melalui proses penilaian menerusi Jawatankuasa di peringkat Kementerian, termasuk Makmal Pengurusan Nilai dan penilaian Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) MAMPU.

12.0 orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Laporan PAC Parlimen berhubung Projek Sistem Kutipan Caj jalan (RC) dan Rekod Kemasukan kenderaan Asing (VEP) di bawah Kementerian pengangkutan (MOT) boleh memuat turun (*download*) laporan serta *hansard* prosiding berkenaan di laman web PAC di alamat www.parlimen.gov.my/pac.

Sekian, terima kasih.

YB Wong Kah Woh